**SENARAI SEMAK BAGI URUSAN TARIK BALIK KAVEAT PERSENDIRIAN ATAS TANAH/PETAK/BAHAGIAN TIDAK DIPECAHKAN/KEPENTINGAN (BORANG 19G) SEKSYEN 325**

| Bil | Langkah-langkah utama yang perlu diambil perhatian | Rujukan | Catatan |
|---|---|---|---|
| 1. | Semak nombor perserahan / tarikh / masa perserahan yang dicatatkan di dalam Borang 19G dengan resit pembayaran. | Kod e-Tanah:<br><br>KVSTB | |
| 2. | Semak bayaran-bayaran berikut :<br><br>2.1 Bayaran pendaftaran seperti yang ditetapkan dibawah Perenggan 48, Kaedah-kaedah Tanah Negeri 2005<br><br>2.2 Bayaran serahan semula selepas penolakan permohonan tarik balik kaveat | <br><br>Seksyen 325 (1) KTN<br><br><br><br>Arahan PTG 2/2015 | |
| 3. | Bentuk dan kandungan Borang 19G hendaklah mengikut format yang telah diwartakan | | |
| 4. | Pemohon yang boleh membuat permohonan adalah seperti berikut:<br><br>1. orang atau badan yang memasukkan kaveat atau<br><br>2. wakil diri (personal representative) bagi pengkaveat | Seksyen 325 (1) KTN | |
| 5. | Pelaksanaan Borang 19G:<br><br>**1. Individu**<br><br>Nama pemohon hendaklah sama dengan kad pengenalan dan DHK.<br><br>Jika pengkaveat telah meninggal dunia, wakil diri pengkaveat boleh menandatangi borang tersebut dan melampirkan bersama-sama perintah pelantikan sebagai wakil diri.<br><br>*Salinan kad pengenalan yang diakui sah perlu dilampirkan. | | |

PTGP

| Bil | Langkah-langkah utama yang perlu diambil perhatian | Rujukan | Catatan |
|---|---|---|---|
| | **2. Syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965**<br><br>a. Dilaksanakan dengan cara yang dibenarkan oleh perlembagaannya dengan membuat rujukan kepada Memorandum dan Article of Association<br><br>b. Mengandungi cop mohor perbadanan<br><br>c. Terdapat satu pernyataan yang ditandatangani oleh Setiausaha atau pegawai tetap DAN salah seorang Lembaga Pengarah yang menyatakan bahawa meterai itu diturunkan di hadapan mereka.<br><br>d. Dokumen rujukan yang diperlukan adalah :<br><br>i. Memorandum and Article of Association untuk melihat samada Sesuatu syarikat tersebut boleh memiliki aset tak alih dan mengenalpasti cara pelaksanaan yang dibenarkan oleh perlembagaan<br><br>DAN<br><br>ii. Borang 24 – Return of Allotment of Share untuk melihat pemegang syer Syarikat di dalam menentukan syarikat tersebut adalah syarikat asing yang didefinisikan di bawah seksyen 433A KTN<br><br>iii. Borang 49 untuk menyemak nama Lembaga Pengarah / Setiausaha yang Berdaftar | | |

PTGJP

| Bil | Langkah-langkah utama yang perlu diambil perhatian | Rujukan | Catatan |
|---|---|---|---|
| | ATAU<br><br>Para ii hingga iii boleh digantikan dengan Carian Syarikat yang dikeluarkan oleh SSM<br><br>DAN<br><br>iv. Resolusi syarikat yang mengesahkan gadaian dibenarkan untuk dilaksanakan.<br><br>e. Nama syarikat di dalam cop mohor adalah sama dengan nama di dalam Borang 19G<br><br>**3. Pertubuhan / Perbadanan Persekutuan atau Negeri / Syarikat Kerjasama**<br><br>a) Undang-undang tubuh hendaklah disertakan untuk menyemak pegawai yang diberi kuasa untuk melaksanakan Borang 19G.<br><br>**4. Pelaksanaan oleh pemegang surat kuasa wakil**<br><br>a) Membuat nota kewujudan salinan surat kuasa wakil di dalam Borang 19G<br><br>b) Bayaran fee bagi nota nota kewujudan salinan surat kuasa wakil | | |
| 6. | Penyaksian tandatangan / cap jari di dalam Borang 19G<br><br>1. Penyempurnaan oleh individu hendaklah diakusaksi oleh pegawai yang tersenarai di dalam Jadual Kelima KTN<br><br>2. Pegawai yang menyaksikan pelaksanaan Borang 19G hendaklah menandatangan ayat penyaksian<br><br>3. Pegawai penyaksi hendaklah meletakkan tarikh | | |

PTGJP

| Bil | Langkah-langkah utama yang perlu diambil perhatian | Rujukan | Catatan |
|---|---|---|---|
| | penyaksian<br><br>4. Jika mempunyai meterai jawatan hendaklah mengesahkan tandatangannya pada meterai itu | | |
| 7. | Permohonan tersebut hendaklah menyatakan nombor perserahan kaveat yang ingin ditarik balik. | | |
| 8. | Butir-butir tanah / bahagian tidak dipecahkan / pajakan yang dimasukkan di dalam Jadual Tanah / Kepentingan hendaklah sama dengan DHDK versi yang terkini. | | |

PTGPP